

LAMPIRAN D

CONTOH PENGIRAAN PEMATUHAN SYARAT PERBELANJAAN 50% DARIPADA PENDAPATAN TAHUN TERDAHULU

CONTOH 1

Yayasan OPQ telah mendapat kelulusan pada tahun 2021 dan telah menerima derma berjumlah RM1,000,000 dalam tahun 2021 dan RM2,000,000 dalam tahun 2022.

Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Yayasan OPQ berjumlah RM600,000 dalam tahun 2021 dan RM800,000 dalam tahun 2022. Pematuhan adalah ditunjukkan seperti di bawah:-

	Tahun	Penerimaan (RM)	Baki bawa hadapan (RM)	Jumlah perbelanjaan tahun semasa (RM)	Peratus dibelanjakan $D = [C/A1] \times 100$	Pematuhan syarat 50% Patuh (P) / Tidak Patuh (TP)	Dana Terkumpul Ke tahun hadapan
		A	B	C			E
1	2021	1,000,000	-	600,000	-	-	400,000
2	2022	2,000,000	400,000	800,000	80	P	1,600,000

CONTOH 2

Lanjutan daripada contoh 1, Yayasan OPQ telah menerima derma berjumlah RM1,200,000 dalam tahun 2023. Yayasan membelanjakan RM900,000 daripada kutipan semasa dan baki terdahulu bagi memenuhi syarat pematuhan. Pematuhan adalah ditunjukkan seperti di bawah:-

	Tahun	Penerimaan (RM)	Baki bawa hadapan (RM)	Jumlah perbelanjaan tahun semasa (RM)	Peratus dibelanjakan $D = [C/A2] \times 100$	Pematuhan syarat 50% Patuh (P) / Tidak Patuh (TP)	Dana Terkumpul Ke tahun hadapan
		A	B	C			E
1	2021	1,000,000	-	600,000	-	-	400,000
2	2022	2,000,000	400,000	800,000	80	P	1,600,000
3	2023	1,200,000	1,600,000	900,000	45	TP	1,900,000

Yayasan OPQ didapati gagal mematuhi syarat 50% perbelanjaan dalam tahun 2023, penjelasan perlu dikemukakan kepada LHDNM.

CONTOH 3

Lanjutan daripada contoh 1 dan 2, Yayasan OPQ telah menerima derma berjumlah RM300,000 dalam tahun 2024. Yayasan OPQ membelanjakan RM500,000 dalam tahun 2024 bagi memenuhi syarat pematuhan. Pematuhan adalah ditunjukkan seperti di bawah:-

	Tahun	Penerimaan (RM)	Baki bawa hadapan (RM)	Jumlah perbelanjaan tahun semasa (RM)	Peratus dibelanjakan $D = [C/A3] \times 100$	Pematuhan syarat 50% Patuh (P) / Tidak Patuh (TP)	Dana Terkumpul Ke tahun hadapan E
		A	B	C			
1	2021	1,000,000	-	600,000	-	-	400,000
2	2022	2,000,000	400,000	800,000	80	P	1,600,000
3	2023	1,200,000	1,600,000	900,000	45	TP	1,900,000
4	2024	300,000	1,900,000	500,000	42	TP	1,700,000

Yayasan OPQ didapati gagal mematuhi syarat 50% perbelanjaan dalam tahun 2024, Yayasan OPQ akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2024.

Mulai tahun taksiran 2024, sekiranya Institusi/Organisasi/Tabung (IOT) melanggar mana-mana syarat dan larangan yang ditetapkan, IOT akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana pelanggaran syarat berlaku walaupun dalam tempoh kelulusan masih berkuatkuasa selaras dengan subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.